

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XIII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS
YB. AZRUL MAHATHIR BIN AZIZ**

5. Prasarana kebajikan Pulau Pinang masih kekurangan tempat perlindungan bagi golongan gelandangan terutama gelandangan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang berumur di bawah 60 tahun. Dimanakah mereka ini wajar dirujuk?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. Kerajaan Negeri, melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pulau Pinang, sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang sesuai seperti prasarana kebajikan kepada golongan gelandangan yang memerlukan. Di negeri Pulau Pinang, prasarana kebajikan tersebut termasuklah:

- (i) Anjung Singgah;

Merupakan pusat transit gelandangan di bawah kendalian Kerajaan Persekutuan yang bertujuan sebagai pusat berteduh kepada golongan gelandangan. Pusat ini terletak di Lot. 53, Lebuh Chulia dan beroperasi dengan kerjasama antara pihak kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan juga pihak swasta; dan

- (ii) Pusat Transit Gelandangan;

Sebuah pusat transit yang terletak di Jalan C.Y. Choy, Georgetown yang sedang dalam peringkat pembinaan. Projek ini merupakan projek Kerajaan Negeri yang dibangunkan dengan kerjasama antara pihak Kerajaan Negeri, swasta dan NGO. Perancangan awal projek ini dijangka siap adalah pada Ogos 2021 tetapi projek ini

berkemungkinan memakan tempoh masa yang lebih lama berikutan insiden penularan wabak COVID-19.

Buat masa ini, tiada penempatan khusus untuk golongan gelandangan yang juga orang kelainan upaya (OKU) berumur di bawah 60 tahun di Pulau Pinang. Perlindungan berkaitan golongan gelandangan OKU boleh dirujuk kepada JKM untuk memadankan tempat perlindungan yang sesuai bagi gelandangan OKU tersebut dengan NGO yang berkaitan seperti Asia Community Services di Kompleks Masyarakat Penyayang dan Rumah Amal Cheshire Pulau Pinang di Lebuhraya Babbington.

Namun begitu, mana-mana gelandangan OKU boleh memohon untuk menyertai Bengkel Daya bagi menjalani latihan kemahiran diri. Bengkel ini memfokuskan kepada kemahiran dan memberi peluang pekerjaan kepada golongan OKU yang tidak mampu berdaya saing untuk mendapatkan pekerjaan di pasaran terbuka. Permohonan boleh dibuat secara sukarela untuk kemasukan ke institusi sedia ada iaitu di Sungai Petani, Kedah dan Klang, Selangor.